

21/01/1998

Bersama atasi kegawatan

Mohd Fakhrulrazi Ibrahim

AWAL 1997 menyaksikan rakyat Malaysia didedahkan kepada kemantapan ekonomi negara. Dengan pertumbuhan ekonomi menjangkau lapan peratus selama lapan tahun berturut-turut, rakyat boleh berbangga dengan pencapaian itu.

Keadaan itu ternyata berbeza untuk awal 1998. Kegawatan ekonomi yang meruncing ekoran serangan spekulator dan sentimen serantau begitu dirasakan rakyat dan menuntut mereka mengambil tindakan bijak bersikap positif.

Masyarakat Malaysia sama ada di bandar atau desa seolah-olah menjadi pakar membicarakan kegawatan ekonomi. Ada yang bertindak sebagai penglipurlara dengan menambah lagi cerita sedia ada supaya lebih panas dan menarik. Dalam keadaan itu, muncul kalangan berkepentingan menggunakan umpan untuk menegakkan kepentingan diri.

Kegawatan ekonomi 1985 dan 1986 ternyata berbeza dengan sekarang. Dulu, ia tidak membabitkan kejatuhan nilai ringgit dan keadaan mudah dipulihkan. Kini lebih meruncing apabila kegawatan itu menyebabkan nilai mata wang menjunam dan membimbangkan.

Kegawatan kali ini turut menimpa negara di Asia Tenggara dan kesan dihadapi sesetengah daripada mereka lebih buruk berbanding Malaysia.

Kemunculan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui televisyen membicarakan soal kegawatan dan menjelaskan beberapa keraguan dilihat sesetengah pihak sebagai belum mencukupi. Mereka menilai berdasarkan untung rugi diri dan kelompok masing-masing tanpa memikirkan implikasi menyeluruh.

Perdana Menteri memberikan gambaran ekonomi dan kegawatan sekarang, analisis masa depan ekonomi dan pasaran saham negara, faktor kejatuhan, kedudukan ekonomi negara berbanding negara luar dan kaitan dengan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang ditunjangi Amerika Syarikat, kekuatan bank tempatan hinggalah kepada persoalan tanggungjawab warganegara, pendidikan, populasi dan kedudukan pekerja asing.

Laporan media yang dibuat turut membayangkan krisis yang berlaku begitu meruncing. Khabar angin juga memburukkan lagi keadaan. Masalah berbangkit seperti kenaikan harga barang, kekurangan bahan keperluan asas seperti gula, barangan tempatan yang terpaksa diimport untuk mencukupkan `kehendak' (bukan keperluan) pengguna dan seumpamanya mengukuhkan lagi spekulasi berbangkit dan meresahkan rakyat.

Bagi menangani keadaan itu Perdana Menteri menggariskan beberapa langkah untuk rakyat berusaha mengatasi keadaan yang sedang berlaku. Antaranya ialah rakyat perlu memberi keyakinan dan kepercayaan terhadap ekonomi, mata wang dan pasaran saham negara; tidak menukarkan ringgit kepada mata wang asing; tingkatkan pembelian barangan tempatan dan elakkan membeli barangan import dan memberi kepercayaan kepada bank tempatan dengan cara meningkatkan penabungan.

Pada masa sama, kerajaan turut merangka beberapa langkah strategik dalam usaha mengatasi kemelut. Pelbagai usaha sedang dibuat seperti penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), proses penggabungan bank tempatan, usaha menarik pelabur luar melabur di Malaysia, nasihat kepada pelabur tempatan agar menaruh keyakinan kepada nilai pasaran dalam negara, mengelakkan ekonomi negara bergantung kepada IMF, merangka proses degangan antara negara anggota Asean menggunakan mata wang negara masing-masing sebagai menyekat keluar pengaliran wang.

Ini tidak bermakna saranan dan strategi dibuat mampu memulihkan ekonomi

Malaysia dalam masa singkat. Keadaan ini bergantung kepada tahap kerjasama ditunjukkan semua pihak tanpa mengira fahaman politik, nilai perkauman dan anutan keagamaan.

Masyarakat hendaklah bijak membuat analisis dan kesimpulan dalam suasana sekarang. Kenyataan yang diambil pakai biarlah daripada kalangan ilmuwan dan tokoh berwibawa. Sebagai menyangkal pandangan kalangan oportunist, Prof Diraja Ungku Aziz menyarankan rakyat mempertimbangkan segala nasihat Perdana Menteri dan mengikutinya semasa beliau. Dalam masa yang sama kenyataan menyokong usaha kerajaan sekarang turut disuarakan pelbagai pihak dan rakyat jelata. Hanya kalangan pendukung minoriti oportunist sentiasa melatah dan menafikan kehendak majoriti rakyat tanpa usaha dan cadangan yang bermanfaat dan berkesan.

Faktor kestabilan politik memainkan peranan yang cukup penting. Kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham sekarang mampu ditangani andainya faktor ini mampu dipertahankan.

Kewibawaan Perdana Menteri dan timbalannya bagi mengembalikan keyakinan pelabur tidak dapat dinafikan. Kesanggupan beberapa konglomerat Amerika Syarikat untuk mengekalkan pelaburan mereka di sini adalah petanda keyakinan pelabur kepada pasaran di Malaysia.

Pembabitan dan peranan sektor swasta, badan bukan kerajaan, persatuan belia, badan kebajikan, persatuan pelajar dan sebagainya amat penting untuk menyelamatkan ekonomi negara.

Langkah berhemat seperti sumbangan berbentuk material, idea dan gerak kerja cukup dialu-alukan walaupun ia bukan paksaan atau dasar negara. Pelbagai kempen dan program boleh diadakan bersama rakyat bagi menyedarkan peranan yang patut dimainkan mereka. Adalah tidak bijak andainya kegawatan yang terpaksa dihadapi kerajaan kini ditambah dengan tekanan yang tidak bertempat. Dalam masa yang sama, media massa perlu mengurangkan publisiti yang membimbangkan. Dalam banyak keadaan, kegawatan pulih dengan sendirinya apabila berlaku kekurangan publisiti mengenai sesuatu isu.

Tahun 1998 juga datang bersama Ramadan. Bulan yang ruang waktunya terisi dengan keberkatan yang tidak ternilai. Dugaan dan cabaran dihadapi rakyat dan negara ini sesungguhnya adalah satu hikmah yang tidak ternilai. Ia mengajar manusia erti kesusahan dan kesungguhan dengan ganjarannya tidak dapat dilihat secara zahir. Oleh itu, wajar rakyat terutama umat Islam mengelakkan diri terjerumus ke dalam hidup yang tidak sempurna.

Elakkan diri daripada menjadi warga yang mempunyai kecenderungan sifat mencaci dan mencela, menfitnah manusia yang tidak berdosa, angkuh dan besar diri, menafikan hak orang lain, tidak punya semangat cintakan agama, bangsa dan negara dan segala sifat keji dan tercela yang merosakkan umat manusia keseluruhannya. Manusia perlu dinilai berdasarkan akal budi keagamaan dan bukan berdasarkan kepada pandangan luaran saja.

Perbanyakkan usaha dan kebajikan dengan beribadat dan berdoa kepada Allah. Jadikan diri sebagai individu yang berfikiran terbuka dengan segala dugaan dan ujian Allah dan bukannya sebagai penghukum keadaan secara membuta tuli. Sesungguhnya Allah lebih mengetahui apa yang hamba-Nya tidak ketahui dan setiap yang bermula pasti berakhir. Ingatlah semua manusia akan kembali ke alam yang abadi.